


RANCANGAN PERNIAGAAN
ETR 300
STESEN MINYAK ESSO

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS MELAKA
(SESSI JUN - NOV 1999)



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 16hb. Julai 1999
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma In Banking Studies di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Norzehan bt. Hashim	97206128
2.	Siti Nooremy bt. Sariman	97206261
3.	Norintan Safiza Abdul Latib	97206094
4.	Juliana bt. Aripin	97205928
5.	Nor Shahaida Mohd Sharif	97206009
6.	Intan Shahrina bt. Shahdan	96997075

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebar kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

ASMAH H. ZAINUDDIN
Ketua Kursus DIB
ITM Melaka.
b/p Provos

SURAT PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Diploma Pengurusan Bank 5(B)
Kajian Pengurusan dan Perniagaan
UTM Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah
Melaka Bandaraya Bersejarah

Tn.Hj.Jamaluddin Bujang
Pensyarah ETR 300
UTM Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah
Melaka Bandaraya Bersejarah

Tuan,

SERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN


Berhubung dengan perkara di atas, kami telah di arahkan untuk menyiapkan Rancangan Perniagaan (RP) berkenaan dengan perniagaan yang telah kami rancang. Rancangan Perniagaan ini telahpun siap mengikut arahan-arahan, tatacara dan proses-proses seperti yang telah tuan syorkan.


Rancangan Perniagaan ini menyediakan segala maklumat yang diperlukan untuk menubuhkan sebuah perniagaan berbentuk perkongsian yang menawarkan.

Dengan penuh rasa hormat dan penuh kesyukuran kami menyerahkan Rancangan Perniagaan ini kepada pihak tuan. Kami berharap pihak tuan berpuas hati dengan hasil kerja yang kami usahakan ini.


Sekian, terima kasih.


Yang benar,



Siti Noorehly Sariman
97206261


Norintan Safiza Abd Latib
97206094


Juhana Aripin
97205928


Norzehan Hashim
97206128


Norshahaida M. Sharif
97206009


Intan Shahrina Hj. Shahdan
96997075

BAHAGIAN 1

Pengenalan

Bidang perniagaan dan keusahawanan merupakan satu kegiatan ekonomi yang penuh dengan cabaran. Dari itu untuk mencapai tahap kecermerlangan seorang usahawan perlu mempunyai sifat yang tabah, gigih semangat yang tinggi, keyakinan diri di samping bijak menggunakan peluang-peluang yang ada. Melihat kepada prospek pertumbuhan dan pembangunan masa depan di kawasan ini dijangkakan bahawa stesen kami akan mendominasi pasaran semasa dan pasaran akan datang. Kepesatan dalam pembangunan ekonomi semasa juga telah mendorong kepada peningkatan dalam pertumbuhan stesen-stesen minyak di negara ini.

Berdasarkan pemerhatian kami terdapat 3 simpang jalan yang menuju kearah Bandaraya Johor Bahru, Singapura dan Skudai. Berhampiran dengan lokasi ini terdapat kawasan rumah yang berdekatan dengan kemudahan awam seperti pengangkutan awam iaitu perhentian bas dan teksi, sekolah dan juga kedai. Kawasan ini menjadi tumpuan orang ramai kerana terdapat deretan gerai yang menjual buah-buahan tempatan. Selain itu juga terdapat tiga stesen minyak iaitu Petronas, Caltex dan Mobil.

Oleh itu kami telah memilih perniagaan ini untuk merebut peluang-peluang yang ada apatah lagi ia bertepatan dengan langkah kerajaan untuk menambah bilangan usahawan muda dikalangan Bumiputera dalam bidang perniagaan. Selain itu, kami amat yakin bahawa perniagaan ini ada potensi yang besar untuk maju. Kami bercadang untuk memulakan perniagaan ini pada tahun 2004. Rancangan Perniagaan ini sebagai rangka dasar perniagaan minyak Esso yang diberi nama Stesen Minyak Esso. Syarikat ini akan

dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan sampingan seperti C-Store dan perkhidmatan mencuci kereta. Walau bagaimanapun perkhidmatan utama yang ditawarkan oleh kami ialah menjual minyak keluaran Esso seperti minyak Extreme, minyak Extra, minyak Diesel dan minyak pelincir.